

23 NOV 1997

Anwar-Harga

IMPLIKASI KENAIKAN HARGA DIKAJI TERLEBIH DAHULU, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan akan meneliti kesan negatif kenaikan harga barangan yang boleh menyebabkan inflasi, sebelum membuat sebarang keputusan mengenai kenaikan harga barangan di negara ini.

"Sebab itu dari segi dasar kita tidak mahu seberapa boleh barang naik harga, tapi kita harus teliti umpamanya kalau komponen import itu terlalu tinggi, agak sukar untuk kita mengeneipkan sama sekali tuntutan kenaikan harga," katanya.

Beliau menyatakan ini ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Vancouver untuk menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Anwar yang diminta mengulas mengenai desakan kenaikan harga barangan keperluan oleh pengeluar tempatan berkata pertimbangan kerajaan dalam membuat keputusan ialah untuk melindungi kepentingan semua pihak dan kepentingan pengguna adalah pertimbangan yang pertama.

"Macam minyak kelapa sawit, pertimbangan Jemaah Menteri ialah tidak menaikkan dan minta kementerian-kementerian berkenaan mengkaji dan mencari jalan supaya pihak pengeluar dan pengilang menampung sebahagian dari kos," katanya.

"Kita serius dalam perkara ini, jadi kalau permohonan tuntutan kenaikan, harus diteliti implikasinya, tetapi kita tidak boleh menolak begitu sahaja permohonan, kita kena kaji sama ada komponen import itu benar-benar tinggi," kata Anwar.

Pengeluar minyak kelapa sawit telah meminta kerajaan menimbangkan kenaikan harga sekitar 30 peratus manakala pengeluar tepung gandum juga menuntut kenaikan harga berikutan kenaikan kos pengeluaran kerana harga gandum yang diimport naik.

Anwar berkata Jemaah Menteri akan melihat komen dan pertimbangan pelbagai kementerian dan agensi sebelum keputusan muktamad dibuat.

Semua pihak di negara ini akan terpaksa menanggung sedikit sebanyak masalah pada masa ini, katanya.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dilaporkan berkata bahawa kenaikan harga barang keperluan seperti gula, minyak masak, kentang dan tepung gandum tidak dapat dielakkan berikutan kenaikan kos pengimportan dan pengeluaran.

Megat Junid berkata kenaikan harga barangan itu bagaimanapun tidak akan membebankan rakyat dan tidak juga merugikan peniaga dan pengeluar. --

BERNAMA

AFY RON